



جَاهُ الْإِسْلَامِ نِجَرِي سَابَا
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

خطبة الجمعة
Khatib al-Jum'at

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

26 RAJAB 1447H / 16 JANUARI 2026M

“TUNTUTAN KEIMANAN DAN KEWAJIPAN SOLAT”

Disediakan oleh

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

Arahan kepada (PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU) :

- ▶ Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi Khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- ▶ Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu Khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- ▶ Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Kariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- ▶ Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- ▶ Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran dan Hadis yang terkandung di dalamnya.
- ▶ Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 hingga 15 minit sahaja.



Mohon imbas QR
code ini jika ada
sebarang cadangan
penambahbaikan.
Sekian, terima kasih

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي فَضَّلَ الْإِنْسَانَ عَلَى سَائِرِ خَلْقِهِ فَأَرْشَدَهُ إِلَى الْحَقِّ وَالصَّوَابِ،
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَإِلَيْهِ الْمَرْجِعُ وَالْمَأْبُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ إِنَّهُ إِلَى رَبِّهِ أَوَّابٌ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَفْضَلِ الْمَخْلُوقِينَ وَعَلَى آلِهِ الطَّاهِرِينَ
وَأَصْحَابِهِ الْمَهْدِيِّينَ وَمَنْ سَلَكَ سَبِيلَهُمْ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: سُبْحَنَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى
الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ وَمِنَ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

JAMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Marilah kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa, dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Sesungguhnya ketakwaan itulah bekal terbaik yang akan menyelamatkan kita di dunia dan di akhirat. Khatib mengingatkan para jamaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara yang sia-sia (lagha) seperti berbual, bermain telefon, atau tidur. Mimbar Jumaat pada hari ini akan menyampaikan khutbah yang bertajuk:

“Tuntutan Keimanan Dan Kewajipan Solat.”

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Peristiwa Israk dan Mikraj merupakan salah satu peristiwa paling agung dalam sejarah kerasulan Nabi Muhammad SAW. Ia berlaku pada suatu malam, ketika Rasulullah SAW diperjalankan oleh Allah SWT dari Masjidil

Haram ke Masjidil Aqsa, kemudian diangkat ke langit hingga ke Sidratul Muntaha. Hal ini dapat digambarkan melalui firman Allah SWT dalam Surah al-Isra' ayat 1 pada mukaddimah khutbah tadi **yang bermaksud:**

“Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid al-Haram ke Masjid al-Aqsa, yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda kekuasaan dan kebesaran Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”

Ayat ini menegaskan bahawa peristiwa Israk dan Mikraj adalah kehendak Allah SWT Yang Maha Berkuasa, bukan rekaan manusia dan bukan perkara yang boleh diukur dengan logik akal semata-mata. Justeru, peristiwa ini menjadi ujian keimanan kepada umat manusia. Mereka yang beriman akan membenarkannya, manakala mereka yang lemah iman akan mempertikaikannya.

HADIRIN JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Perlu difahami bahawa peristiwa Israk dan Mikraj berlaku ketika Rasulullah SAW berada dalam keadaan yang sangat mencabar dan berdukacita. Pada waktu itu, Baginda SAW berhadapan dengan penolakan dakwah yang begitu keras daripada kaum musyrikin Quraisy. Seruan tauhid yang dibawa Baginda SAW bukan sahaja ditolak, malah diperlekehkan, ditertawakan dan dituduh sebagai sihir serta pembohongan.

Baginda SAW turut berdepan tekanan dan penindasan yang berpanjangan. Para sahabat diseksa, dipulaukan dan dizalimi, manakala Baginda sendiri menjadi sasaran ejekan, cacian dan ancaman.

Kemuncak kepada ujian ini ialah pemulauan ekonomi dan sosial terhadap Bani Hasyim, yang menyebabkan Rasulullah SAW dan para pengikutnya hidup dalam keadaan serba kekurangan dan penderitaan. Lebih memilukan, Rasulullah SAW kehilangan dua insan yang paling dikasihi dan menjadi tonggak kekuatan dakwah Baginda, iaitu isteri tercinta Khadijah binti Khuwailid *Radiallahuanha* dan bapa saudara Baginda SAW iaitu Abu Talib. Kehilangan kedua-dua insan ini menyebabkan tahun tersebut dikenali sebagai 'Am al-Huzn (عَامُ الْحُزْنِ), iaitu Tahun Kesedihan. Baginda SAW diuji bukan sahaja sebagai seorang rasul, tetapi juga sebagai seorang suami dan anak saudara kehilangan tempat bergantung.

Namun di tengah-tengah kesedihan dan tekanan yang hebat itulah Allah memerintahkan Rasul-Nya dengan peristiwa Israk dan Mikraj sebagai tanda kemuliaan, penghibur dikala sedih dan pengukuhan iman. Peristiwa ini membuktikan bahawa pertolongan Allah akan datang pada saat manusia berada di puncak ujian, namun pertolongan itu hanya dirasai oleh mereka yang sabar, teguh iman dan tidak berganjak daripada ketaatan.

JAMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI,

Hikmah terbesar daripada peristiwa Israk dan Mikraj ialah pensyariatan solat lima waktu. Solat adalah ibadah yang difardukan secara langsung oleh Allah kepada Rasulullah SAW tanpa perantaraan wahyu di bumi. Ini menunjukkan betapa tingginya kedudukan solat dalam Islam. Rasulullah SAW bersabda:

أَوَّلُ مَا يُحَاسَبُ بِهِ الْعَبْدُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ صَلَاتُهُ

Maksudnya: “Amalan pertama yang akan dihisab terhadap seorang hamba pada hari kiamat ialah solatnya.” (Riwayat at-Tirmizi)

Namun amat menyedihkan apabila masih terdapat segelintir umat Islam yang memandang ringan kewajipan solat. Ada yang melengah-lengahkannya, ada yang meninggalkannya tanpa rasa bersalah, bahkan ada yang langsung tidak mendirikan. Renungkanlah sabda Rasulullah SAW:

الْعَهْدُ الَّذِي بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمُ الصَّلَاةُ فَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ كَفَرَ

Maksudnya: “Perjanjian antara kami dan mereka ialah solat. Sesiapa yang meninggalkannya, maka dia telah kufur.” (Riwayat Ahmad, at-Tirmizi dan an-Nasa’i).

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Peristiwa Israk dan Mikraj juga mendidik kita bahawa kejayaan hidup bukan diukur dengan harta, pangkat dan kemewahan dunia, tetapi diukur dengan sejauh mana hubungan kita dengan Allah SWT. Dunia hari ini menyaksikan manusia begitu sibuk mengejar kemajuan material sehingga mengabaikan solat, akhlak dan amanah.

Kita melihat ada yang begitu tekun bekerja dari pagi hingga ke malam demi mengejar keuntungan dan pangkat, namun solat ditangguhkan, dilengah-lengahkan, bahkan ada yang ditinggalkan. Ada yang berjaya dalam kerjaya dan perniagaan, tetapi gagal mendidik keluarga kerana lalai terhadap solat dan nilai agama. Ada pula yang cemerlang dalam pelajaran dan jawatan, namun rosak akhlak serta hilang amanah kerana hubungan dengan Allah semakin renggang. Firman Allah SWT dalam Surah Maryam ayat 59:

* فَخَلَفَ مِنْ بَعْدِهِمْ خَلْفٌ أَضَاعُوا الصَّلَاةَ وَاتَّبَعُوا الشَّهَوَاتِ فَسُوفَ يَلْقَوْنَ

غَيًّا ﴿٥٩﴾

Maksudnya: *“Kemudian mereka digantikan oleh keturunan-keturunan yang mencuaikan sembahyang serta menurut hawa nafsu (dengan melakukan maksiat); maka mereka akan menghadapi azab (dalam neraka).”*

Ayat ini menjelaskan musibah besar apabila manusia mengabaikan solat dan menuruti kehendak dunia serta hawa nafsu yang akhirnya membawa kepada kesesatan dan kehancuran. Sesungguhnya kemajuan tanpa iman akan melahirkan kerosakan, ilmu tanpa solat akan menumbuhkan kesombongan, dan kekayaan tanpa takwa akan mengundang kebinasaan.

MUSLIMIN YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Sesungguhnya peristiwa Israk dan Mikraj bukan sekadar perjalanan luar biasa. Peristiwa ini merupakan saat Allah SWT memuliakan umat ini dengan satu wahyu yang paling agung, iaitu kewajipan solat lima waktu. Solat difardukan bukan di bumi, tetapi di langit, sebagai tanda kemuliaan dan keistimewaannya berbanding ibadah-ibadah lain. Hal ini membuktikan bahawa solat merupakan tiang agama, penghubung utama antara hamba dengan Penciptanya, serta asas kekuatan iman seseorang Muslim.

Peristiwa ini juga mengingatkan kita bahawa dalam apa jua keadaan, sama ada senang atau susah, solat tidak pernah gugur daripada tanggungjawab seorang hamba. Maka, sesiapa yang memelihara solatnya, nescaya Allah SWT akan memelihara kehidupannya. Sebaliknya, sesiapa yang mengabaikan solat, bererti dia sedang meruntuhkan asas keimanannya sendiri.

Menyimpul khutbah minggu ini, marilah kita mengambil iktibar daripada peristiwa Israk dan Mikraj Rasulullah SAW seperti berikut:

Pertama: Peristiwa Israk dan Mikraj menuntut keimanan yang teguh dan keyakinan yang tidak berbelah bahagi terhadap kekuasaan Allah. Peristiwa ini mengajar kita bahawa iman bukan sekadar pengakuan di lisan, tetapi keyakinan yang terpahat di hati dan diterjemahkan melalui ketaatan.

Kedua: Solat lima waktu merupakan amanah terbesar yang difardukan. Solat bukan sekadar kewajipan ibadah, bahkan menjadi ukuran sebenar ketaatan seseorang kepada Allah SWT. Solat yang dijaga dengan sempurna akan membentuk disiplin diri, menyuburkan akhlak mulia dan menjadi benteng kukuh daripada kerosakan moral serta perbuatan mungkar.

Ketiga: Masyarakat Islam khususnya di negeri Sabah hendaklah menjadikan solat sebagai asas pembentukan keluarga, masyarakat dan negeri yang diberkati Allah SWT. Keluarga yang memelihara solat akan melahirkan generasi yang beriman dan berakhlak, masyarakat yang menjaga solat akan hidup dalam keharmonian, manakala negeri yang memartabatkan solat akan dipelihara daripada pelbagai bentuk bala dan kerosakan seperti mana dalam firman Allah SWT surah Taha ayat 132:

وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا ۖ...

Maksudnya: *“Dan perintahkanlah keluargamu untuk mendirikan solat serta bersabarlah dalam mengerjakannya.”*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كِبَاوَه دُولِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَعَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوْتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابِه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, tolonglah saudara-saudara kami yang tertindas di bumi barakah Palestin dan di setiap tempat. Ya Allah, jadilah Engkau Pelindung, Penolong dan Penyokong mereka. Ya Allah, timpakanlah kekuasaan-Mu ke atas orang-orang zalim dan goncangkanlah bumi di bawah kaki mereka.

Ya Allah, naungilah kehidupan negeri dan juga negara kami dengan Rahmat-Mu. Hiasilah diri kami dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat

yang keji. Satukanlah hati kami dalam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran. Perelokkanlah pekerti kami dengan jalinan perpaduan, sentiasa berlapang dada dan mengutamakan sikap tabayyun serta ilmu dalam setiap tindakan.

Ya Qadiyal hajat, jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjamaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Ya Allah, berkatilah kami serta limpahkan kasih sayang-Mu kepada kami dalam bulan Rajab dan Syaaban dan temukanlah kami dengan bulan Ramadan. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua, Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA:

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127](tel:088-522127) / jheains.penerbitan@gmail.com untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.